

NO. SOALAN: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 26 MEI 2016

RUJUKAN : 9064

SOALAN :

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang telah dan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan dalam menangani masalah kebanjiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negeri Sabah yang dikhuatiri akan menimbulkan lebih banyak keskes jenayah. Apakah mekanisme yang akan digunakan dalam memastikan bilangan PATI yang terlalu ramai di Sabah ini dapat dikurangkan ataupun disifarkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) sentiasa memberikan keutamaan kepada usaha-usaha untuk menangani isu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) termasuklah isu keberadaan PATI yang telah sedia ada di negeri Sabah. Ini dilakukan dengan menggiatkan tindakan penguatkuasaan dan pengusiran mereka ke negara asal. Keberkesanan usaha ini dapat dilihat melalui statistik pengusiran PATI pada tahun 2014 di mana jumlah pengusiran adalah seramai 17,720 orang manakala pada tahun 2015, jumlahnya meningkat kepada 27,769 orang yang juga merupakan angka tertinggi tahunan semenjak tahun 1990. Bagi tahun 2016 sahaja, jumlah pengusiran sehingga 12 Mei 2016 adalah seramai 9,452 orang. Oleh itu, jumlah keseluruhan PATI di Sabah yang telah diusir sejak tahun 1990 sehingga 12 Mei 2016 pula adalah seramai 539,393 orang.

Kerajaan juga bekerjasama erat dengan Kedutaan Filipina bagi memastikan pihaknya mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan (*Travel Documents-TD*) kepada tahanan yang hendak diusir ke negara asal. Tindakan ini telah memberikan impak yang positif kerana dokumen perjalanan tersebut dikeluarkan dengan lebih cepat iaitu selama 2 sehingga 3 minggu berbanding 2 sehingga 3 bulan sebelumnya dan telah melancarkan lagi tindakan pengusiran berkenaan.

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah menggiatkan usaha-usaha mengekang kemasukan PATI termasuklah meningkatkan tahap keselamatan di perairan Sabah. Usaha ini antara lainnya boleh dilihat melalui perlanjutan Perintah Berkurung (*curfew*) di tujuh daerah iaitu di Tawau, Semporna, Kunak, Lahad Datu, Kinabatangan, Sandakan dan

Beluran di mana ianya berkuat kuasa mulai jam 7 malam sehingga jam 5 pagi. Perintah Berkurung ini berjaya mengehadkan aktiviti mobilisasi keluar masuk di perairan Sabah dan setiap urusan perlu mendapat kebenaran serta permit daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sebarang pergerakan bot dan kapal juga diwajibkan mengikuti laluan yang dibenarkan menerusi pemantauan berterusan oleh pasukan keselamatan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM). Selain itu, ESSCOM turut meningkatkan operasi memburu PATI di kawasan yang berkenaan di mana sejak tahun 2015 sehingga 12 Mei 2016, ESSCOM telah menjalankan sebanyak 1,823 operasi penguatkuasaan dengan kejayaan menahan reman seramai 11,686 orang.